

22/08/1998

Y2K: Telekom mungkin beri insentif

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mungkin memberi insentif kewangan kepada syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam usaha menangani Masalah Tahun 2000 (Y2K).

Penyelaras Pasukan Projek Y2K kementerian berkenaan, Asiah Ahmad, berkata kementerian sedang mengkaji perkara itu dan buat masa ini belum membuat keputusan mengenainya.

"Rancangan memberi insentif kewangan kepada syarikat IKS menyelesaikan Y2K memang ada.

"Namun, perkara itu masih diteliti dan belum ada keputusan dibuat mengenainya," katanya di sini, hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan kebimbangannya apabila kebanyakan syarikat IKS memandang remeh isu Y2K dan tidak mengambil tindakan perlu bagi menangani masalah itu.

Perdana Menteri menasihatkan syarikat terbabit menemui syarikat yang ada kepakaran dalam Y2K bagi mengatasi masalah yang timbul selepas tahun 2000.

Y2K atau lebih dikenali sebagai Millennium Bug ialah kelemahan sistem komputer dan perisian mengenali 2000 kerana biasanya bahasa pengaturcaraan dalam perisian ditulis dalam format dua angka.

Pada tahun 2000, komputer mendaftar tarikh 1 Januari 2000 sebagai 01/01/00 yang turut merujuk sebagai 1 Januari 1900.

(END)